

02 APR 2001

Pembangkang-Majlis

PEMBANGKANG CADANG PENUBUHAN MAJLIS PERUNDINGAN PERPADUAN NASIONAL

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Empat parti pembangkang - PAS, Parti Keadilan Nasional (Keadilan), DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) - hari ini mencadangkan supaya satu Majlis Perundingan Perpaduan Nasional (MPPN) diwujudkan bagi menangani isu berkaitan integrasi etnik dan perpaduan nasional.

Ketua Pembangkang Datuk Fadzil Noor berkata majlis itu akan menjadi saluran rakyat bertukar pandangan berhubung pelbagai isu dengan kerajaan dan Parlimen.

Sebagai sebuah negara berbilang kaum dan agama, setiap isu integrasi etnik dan perpaduan nasional saling mempengaruhi dan mempunyai kesan ke atas setiap lapangan hidup semua rakyat Malaysia, katanya pada sidang media di lobi Bangunan Parlimen di sini.

"Sungguhpun begitu, tidak ada saluran dalam masyarakat hari ini yang membenarkan rakyat Malaysia daripada latar belakang etnik yang berbeza untuk bertukar pandangan tentang isu-isu berkaitan perpaduan nasional dan mengemukakan pendapat mereka kepada kerajaan dan Parlimen," kata Fadzil yang juga Presiden PAS.

Katanya berikutan insiden pergaduhan Jalan Klang Lama bulan lepas, parti-parti pembangkang berasa adalah wajar bagi kerajaan menangani masalah perkauman dengan menubuhkan satu badan bebas yang boleh membantu, memberi nasihat dan pandangan bagi menyelesaikan perpaduan kaum yang masih lemah di negara ini.

Fadzil berkata kerajaan seharusnya tidak mengambil langkah sambil lewa dalam menangani masalah perpaduan antara kaum dan hanya mengambil tindakan selepas satu-satu insiden berlaku.

Timbalan Presiden Keadilan Dr Chandra Muzaffar yang turut hadir dalam sidang media itu berkata pakatan empat parti pembangkang itu akan mengemukakan secara rasmi surat cadangan penubuhan MMPN kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam tempoh beberapa hari ini.

Mengikut cadangan itu, MPPN perlu ditubuhkan melalui Akta Parlimen dan mempunyai status dan kuasa sebagai suruhanjaya berperlembagaan serta bebas daripada pengawalan eksekutif.

Keanggotaan majlis yang bertanggungjawab secara langsung kepada Parlimen itu perlu dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

-- BERNAMA

HS HS MOZ